



BANJIR di Bintulu, semalam, menyebabkan SK Sungai Bukit Balai, Tubau, digenangi air - IHSAN JABATAN PENDIDIKAN

Tiga sekolah di Bintulu ditutup

Sarawak dilanda banjir

■ KUCHING 5 NOV.

BAHANG musim tengkujuh mula melanda Sarawak apabila hujan lebat telah menyebabkan tiga sekolah di negeri ini terpaksa ditutup akibat banjir hari ini.

Pengarah Pendidikan negeri, Ragayah Madon berkata, tiga sekolah yang ditutup itu masing-masing terletak di bahagian Bintulu iaitu

Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Nyalau, SK Kuala Kebulu dan SK Sungai Bukit Balai Tubau.

Katanya, penutupan tiga sekolah terbabit menjejaskan 550 murid, 52 guru dan 20 kakitangan.

"Di SK Kampung Nyalau, penutupan sekolah menjejaskan sesi persekolahan 147 murid, manakala SK Kuala Kebulu terletak di daerah Sebauh di sini melibatkan 60 murid.

"SK Sungai Bukit Balai Tubau juga terletak di daerah Sebauh mempunyai mangsa tertinggi iaitu 343 murid, guru (25) dan kakitangan awam lain (11)," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata, penutupan ketiga-tiga sekolah berkenaan terpaksa dilakukan akibat dinaiki air dan ia belum dibuka setakat pukul 3 petang ini.